

AKHBAR	:	UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS)
TARIKH	:	19/4/2017
JABATAN	:	NRE / FRIM
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>

# Titian kanopi FRIM 'direhatkan' selepas 25 tahun



TITIAN kanopi FRIM akan ditutup menjelang Jun ini.

**K**HIDMAT titian kanopi, antara tarikan utama pengunjung ke kawasan FRIM Kepong, Kuala Lumpur akan berakhir 30 Jun ini apabila Ketua Pengarahnya **Datuk Dr. Abdul Latif Mohmod** mengumumkan penutupannya bermula tarikh tersebut.

“Mengambil sempena sambutan Hari Hutan Antarabangsa (DDF) kali ini yang berfokuskan pemeliharaan dan pemuliharaan hutan, bagi pihak FRIM, saya mengumumkan penutupan titian kanopi untuk pengunjung, “ujarnya.

Beliau berkata, titian kanopi FRIM ini merupakan salah satu tarikan ekopelancongan utama FRIM semerjak 25 tahun lalu. Namun katanya, berikutan kejadian hujan ribut pada penghujung 2015, akses ke

titian kanopi tersebut telah dibuka dan ditutup beberapa kali bagi memberi ruang kepada penyelenggaraan dan penilaian keselamatan.

Oleh kerana berdasarkan analisis berterusan ini, laluan ini memerlukan masa yang lama untuk *regeneration* atau pemuliharaan.

Selain itu, pokok sokongan titian kanopi ini juga tidak sihat dan berisiko untuk menampung beban struktur titian, ditambah dengan beban pengunjung.

“Kita berhasrat untuk membangunkan titian kanopi yang baharu dalam masa antara tiga hingga lima tahun,”ujarnya.

Tambah beliau, FRIM sedang berusaha mendapatkan peruntukan sebanyak RM3.5 juta untuk membina satu sistem titian yang diperbuat daripada

kerangka aluminium. Sistem ini dijamin lebih selamat dan kurang memberi impak negatif terhadap pokok dan alam sekitar.

Namun katanya, titian kanopi berkenaan yang panjangnya kira-kira 150 meter (m) akan direhatkan dan penilaian seterusnya akan dibuat sama ada boleh diteruskan khidmatnya bergantung kepada hasil kajian.

“Jika ini berlaku, kita akan ada dua titian kanopi untuk menarik pengunjung,” kata beliau.

Mengenai cadangan titian kanopi baharu, Dr. Abdul Latif berkata, panjangkan melebihi sekali ganda iaitu kira-kira 300m atau mungkin boleh mencecah 500m.

Pengunjung akan berpeluang melihat panorama Kuala Lumpur dan sekitarnya.

## APA KATA MEREKA



INI memberi peluang kepada saya lebih memahami dan menghayati pentingnya hutan di sekeliling kita

**MOHD. HANAFLAH LATIF**  
PEMENANG Pertandingan Fotografi 2016 (Tempat Ketiga)



PENDEDAHAN baharu kepada saya dan wajar diteruskan

**TAN LINGSUAN, 75.**  
PENULIS



BESAR maknanya usaha penanaman pokok ini, semoga ia tumbuh untuk kita nikmati nanti.

**MOHAMAD NAIM ABDUL RAZAK, 25.**  
PELAJAR KILMU



KITA wajar menggalakkan aktiviti penanaman pokok yang akan menjadi warisan

**MAHANI MUHAMAD, 48.**  
SURI rumah



KITA menanam pokok untuk memberi pendidikan dan kesedaran mengenai pentingnya penjagaan alam sekitar dengan memulihara hutan

**LILY ALYSA MIOR AZRI, 21.**  
PELAJAR